

UNIT INTEGRITI • INTEGRITY UNIT

Rujukan : UKM.UIG.1/7/1

Tarikh : 27 Mei 2021

PEKELILING UNIT INTEGRITI BIL. 3/2021

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELANTIKAN DAN PELAKSANAAN OMBUDSMAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA (UKM)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.4/2021 bertarikh 6 Mei 2021 telah bersetuju dengan pelantikan dan pelaksanaan Ombudsman di UKM dengan penjenamaan semula sebagai Unit Integriti dan Ombudsman UKM. Pelaksanaan Ombudsman di UKM ini merupakan satu kaedah penyelesaian alternatif untuk menyelesaikan aduan dengan cepat dan berkesan tanpa memerlukan proses formal bagi siasatan integriti dan tata tertib.
3. Pelantikan Ombudsman UKM bertujuan untuk memperkasakan peranan Unit Integriti dan mencerminkan komitmen pengurusan Universiti ke atas agenda integriti organisasi dan warganya. Ini dizahirkan dengan peranannya yang mengikut prinsip kebebasan, kerahsiaan, neutral dan tidak memihak serta tidak formal.
4. Peranan Unit Integriti kekal dengan fokus kepada pengurusan aduan dan siasatan bagi kes salah laku integriti, tata tertib dan berkaitan dengan jenayah manakala Ombudsman UKM akan menguruskan aduan dalam bentuk berikut:
 - i. ketidakpuasan hati berkaitan isu-isu pentadbiran (grievances).
 - ii. pertikaian.
 - iii. servis atau perkhidmatan yang tidak memuaskan.
 - iv. konflik sesama warga UKM dan lain-lain yang berkaitan.
5. Ketua Unit Integriti akan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ombudsman UKM di peringkat awal pelaksanaan ini. Justeru, Unit Integriti dan Ombudsman UKM berbesar

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3182/3139/5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/integriti>

Hati memohon kerjasama dan sokongan daripada YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam Unit Integriti dan Ombudsman UKM melaksanakan amanah, tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan.

Segala perhatian daripada pihak YBhg. YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai. Sekian terima kasih.

Yang benar,



HAIRUZZAKI MOHD. YUSOFF

Ketua

Unit Integriti

- s.k**
- Pengurus UKM
 - Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan

Ms2

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3282/3139/5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/integriti>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*